

Kaum India terus terbela

KUALA LUMPUR 4 Jun – Masyarakat India di negara ini mendapat banyak 'durian runtuh' di bawah pentadbiran Datuk Seri Najib Tun Razak walaupun beliau belum mencapai tempoh 100 hari sebagai Perdana Menteri.

Najib dilantik sebagai Perdana Menteri pada 3 April yang lalu.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, antara habuan itu ialah peluang belian hampir RM500 juta saham korporat bernilai jutaan ringgit kepada pelabur berbangsa India tempatan serta tambahan kuota langganan saham Amanah Saham Wawasan (ASW).

"Perdana Menteri turut meluluskan pemberian dana berjumlah RM130 juta bagi membina serta menyelenggara sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara," kata beliau semasa memberi ucapan dan sesi dialog Konvensyen Kepimpinan Pelajar 2009 di sini, hari ini.

Ratusan pelajar India dari pelbagai universiti dan kolej berkumpul bagi menghadiri konvensyen sehari yang dianjurkan oleh Kolej Kediaman Kedua Universiti Malaya itu.

Antara universiti serta kolej yang menghantar pelajar India menyertai konvensyen tersebut ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Kolej TAFE Seremban (KTS).

Mengulas lanjut, Samy berkata, dengan lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat India yang diberikan oleh kerajaan, beliau yakin kualiti kehidupan terutama tahap pendidikan rakyat India di negara ini akan terus meningkat.

"Masyarakat India hari ini kena bekerja lebih kuat merebut peluang yang ada, tidak boleh setakat duduk di rumah menantikan peluang itu walaupun memiliki segulung ijazah dari mana-mana universiti," jelas beliau.

Menjawab satu soalan dari pelajar mengenai kemungkinan berlakunya penyelewengan dana RM130 juta itu, jelas Samy, dakwaan seperti itu dilakukan oleh orang yang tidak tahu proses pemberian kontrak kerajaan dan hanya menuduh tanpa sebarang bukti.

Semua kontrak disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang kemudiannya mengagihkannya kepada kontraktor terpilih selepas selesainya proses bidaan tanpa sebarang campur tangan pemimpin MIC, katanya.